

Dr Supiah Saad.



Modal Insan Cemerlang

Minda Kelas Pertama

Edisi Pelancaran



Diterbitkan :

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA,
Bahagian Sekolah,
Aras 3 dan 4, Blok E2, Kompleks Kerajaan Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya.
www.moe.gov.my

Reka bentuk dan cetakan :

OMR PRESS SDN. BHD.
No.18, Jalan Industri USJ 1/12,
Tmn. Perindustrian USJ 1,
47600 Subang Jaya, Selangor.
tel : 03-8024 6396
fax : 03-8024 6936
email : omrpress@streamyx.com

KANDUNGAN

HALAMAN

Kata Alu-aluan Menteri Pelajaran Malaysia
Kata Alu-aluan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
Prakata

MODAL INSAN CEMERLANG MINDA KELAS PERTAMA: SUATU PERSPEKTIF 1 - 10

- 1.1 Pendahuluan
- 1.2 Modal Insan Cemerlang Minda Kelas Pertama
- 1.3 Model Modal Insan Cemerlang Minda Kelas Pertama
- 1.4 Pembentukan Modal Insan Cemerlang Minda Kelas Pertama
- 1.5 Matlamat Buku Modal Insan Cemerlang Minda Kelas Pertama

MEMBINA NEGARA BANGSA 11 - 52

- 2.1 Pengenalan
- 2.2 Objektif Bab
- 2.3 Konsep Membina negara bangsa
- 2.4 Pendidikan Dengan Membina negara bangsa
- 2.5 Memperkasakan Bahasa Kebangsaan
- 2.6 Perpaduan dan Integrasi nasional
- 2.7 Pendekatan Islam Hadhari
- 2.8 Peranan Warga Sekolah Dalam Menghayati Teras Membina Negara Bangsa
- 2.9 Contoh Kes Sebenar

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN 53 - 76

- 3.1 Pengenalan
- 3.2 Objektif
- 3.3 Pengurusan Pentadbiran
- 3.4 Pengurusan Murid
 - 3.4.1 Pengurusan Murid Cerdas
 - 3.4.2 Pengurusan Murid Berisiko
 - 3.4.3 Pengurusan Murid Berkeperluan Khas
- 3.5 Tumpuan Kejayaan Sekolah
- 3.6 Jadual
- 3.7 Surat Pekeliling Ikhtisas

MEMPERKASAKAN SEKOLAH KEBANGSAAN 77 - 124

- 4.1 Pendahuluan
- 4.2 Definisi Sekolah Kebangsaan
- 4.3 Dasar dan Matlamat Memperkasakan SK
- 4.4 Ciri-Ciri SK Perkasa
- 4.5 Fokus dan Strategi Pelaksanaan Memperkasakan SK
- 4.6 Peranan Pihak Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah

MERAPATKAN JURANG PENDIDIKAN

125 - 168

- 5.1 Pengenalan
- 5.2 Merapatkan Jurang Digital
 - 5.2.1 Jurang Digital
 - 5.2.2 Cabaran dan Isu Dalam Merapatkan Jurang Digital
- 5.3 TMK(ICT) Dalam Pendidikan
 - 5.3.1 Pembudayaan TMK
 - 5.3.2 Tanggungjawab Bersama Ke Arah Merapatkan Jurang Penggunaan TMK
- 5.4 Contoh Kes Sebenar
- 5.5 Peranan Warga Sekolah

MEMARTABATKAN PROFESION KEGURUAN

169 - 198

- 6.1 Pengenalan
- 6.2 Konsep Memartabatkan Profesion Keguruan
- 6.3 Isu dan Cabaran Dalam Profesion Keguruan
- 6.4 Ciri-Ciri Guru Cemerlang
- 6.5 Keperluan Guru Berkualiti
- 6.6 Strategi Memartabatkan Profesion Keguruan
 - 6.6.1 Memantapkan Aspek Pemilihan Bakal Guru dan Latihan Perguruan
 - 6.6.2 Prosedur Pemilihan Calon Pemimpin Pendidikan
 - 6.6.3 Konsep Guru Berkualiti dan Impaknya Terhadap Pendidikan
 - 6.6.4 Strategi Melahirkan Guru Berkesan/Cemerlang
- 6.7 Meningkatkan Perjawatan dan Kerjaya Guru
- 6.8 Memperkasakan Diri dan Rasa Bangga Para Guru Terhadap Profesion Keguruan

MELONJAKKAN KECEMERLANGAN SEKOLAH

199 - 212

- 7.1 Pendahuluan
- 7.2 Objektif
- 7.3 Konsep Sekolah Kluster
- 7.4 Fokus Kecemerlangan Sekolah
- 7.5 Mencapai Kluster Kecemerlangan Sekolah
- 7.6 Peranan Warga Sekolah Ke Arah Menjadi Sekolah Kluster
- 7.7 Strategi dan Tindakan Menjadi Sekolah Kluster
- 7.8 Petunjuk Prestasi
- 7.9 Penutup


RUMUSAN

213 - 218

LAMPIRAN

BIBLIOGRAFI

PENGHARGAAN



Pelancaran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 fi 2010 pada Januari 2007 telah menyediakan satu landasan untuk menggerakkan jentera Kementerian Pelajaran Malaysia ke arah transformasi dalam system pendidikan negara. Namun, dalam melaksanakan perancangan strategik di peringkat akar umbi, sudah pasti terjadi pelbagai terjemahan kepada dasar yang telah dibentuk.

Dalam soal ini, para pemimpin di peringkat pelaksana telah membuat pelbagai andaian dan persepsi terhadap PIPP. Hasil daripada pemantauan dan penilaian Kementerian Pelajaran Malaysia, didapati para pentadbir amat memerlukan bimbingan bagi memastikan setiap teras yang digubal dalam PIPP diusahakan sehingga berjaya. Perkara ini amat kritikal bagi memastikan segala yang telah dibentuk dan digubal dapat membantu usaha untuk membentuk modal insan berminda kelas pertama selaras dengan wawasan negara.

Matlamat akhir sistem pendidikan negara adalah untuk memastikan setiap murid yang telah mengikuti sistem pendidikan kebangsaan berupaya menzahirkan potensi dan bakat masing-masing. Adalah menjadi harapan saya agar semua murid pada akhirnya akan menjadi warga yang cemerlang, gemilang dan terbilang dan meletakkan sistem pendidikan Malaysia setaraf dengan kualiti pendidikan di peringkat antarabangsa.

Pada hemat saya, buku ini amat sesuai dan relevan untuk dijadikan rujukan dan panduan oleh warga pendidikan terutama bagi menterjemahkan PIPP dalam bentuk pelan tindakan yang diperlukan. Justeru, saya amat berharap dengan adanya buku Modal Insan Cemerlang Minda Kelas Pertama dari perspektif PIPP ini, semua kumpulan pentadbir di institusi pendidikan dapat menjana idea yang lebih bernas dan kreatif sekaligus disesuaikan dengan keperluan dan persekitaran institusi masing-masing.



Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Hishamuddin'.


DATO., SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
Menteri Pelajaran Malaysia

Putrajaya 26 September 2008 / 26 Ramadhan 1478 Hijrah

1. Dr. Roziah binti Abdullah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
2. Dr. Samsiah binti Mustaffa
Institut Aminuddin Baki
3. Encik Shamsul Shah bin Tarjo
Bahagian Pendidikan Islam
4. Dr. Noorliza binti Zakuan
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
5. Puan Isham bin Ishak
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
6. Dr. Ng Soo Boon
Bahagian Pembangunan Kurikulum
7. Puan Azimah binti Mohammed
Bahagian Pembangunan Kurikulum
8. Dr. Supiah binti Saad
Bahagian Pendidikan Khas
9. Encik A. Azmi bin Shahri
Bahagian Pendidikan Swasta
10. Dr. Zuber bin Hassan
Bahagian Pendidikan Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
13. Dr. Masnah binti Ali Muda
Bahagian Teknologi Pendidikan
14. Encik Abdul Aziz bin Abu Seman
Bahagian Teknologi Pendidikan
15. Encik Mohd. Yassim bin Ngah
Bahagian Teknologi Pendidikan
16. Dr. Jamil bin Adimin
Lembaga Peperiksaan Malaysia
17. En. Ruslan bin Zainudin
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional



25/4/08



18. Dr. Razianna binti Abdul Rahman
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
18. Dr. Madznyah binti Md. Jaafar
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
19. En. Mohd. Fauzi bin Mahson
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Dengan penerbitan buku ini diharapkan semua warga pendidik, ibubapa, pelajar-pelajar dan pihak-pihak yang berminat dengan PIPP akan dapat memahami lebih mudah tentang konsep dan contoh aktiviti yang telah dijalankan di sekolah-sekolah berkaitan dengan bab-bab yang terdapat dalam buku asal PIPP.

Saya yakin pihak sekolah khususnya akan dapat menterjemahkan hasrat PIPP dengan lebih banyak melalui aktiviti-aktiviti. Oleh itu, semua kita berharap sebelum berakhirnya tempoh PIPP pada tahun 2010, semua matlamat dan objektif yang ditetapkan akan tercapai. Moga-moga buku ini dapat dimanfaatkan oleh semua warga pendidikan.

Salam hormat daripada saya,



DATO, HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Putrajaya - 1 November 2008

SENARAI SINGKATAN

JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
KPI	Key Performance Indicator/Indikator Prestasi Utama
MPC	Murid Berbakat Pinter Cerdas
SPK	Sekolah Pendidikan Khas
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
P&P	Pengajaran Pembelajaran
YAB	Yang Amat Berhormat
YB	Yang Berhormat
SEA	South East Asia
PSSMI	Pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
YE	Young Entrepreneur
CAD	Computer Aided Design
CAM	Computer Aided Manufacturing
NILAM	Nadi Ilmu Amalan Membaca
SEA	South East Asia
F 1	Formula One
ISEF	International Science and Engineering Fair
GPM	Guru Perustakakan dan Media
ETEMS	English in Teaching in Mathematics and Science
SM	Sekolah Menengah
SSBU	Sekolah Sukan Bukit Jalil
SMT	Sekolah Menengah Teknik
MTERV	Mekanik Teknologi Elektronik Radio dan Video
JDI	Jurukimpal Domesitik dan Industri
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PMR	Penilaian Menengah Rendah
CBN	Convent Bukit Nenas
SK	Sekolah Kebangsaan
PIBG	Persatuan Iubhapa dan Guru
IGAS	International Competitions and Assessments For Schools
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
USM	University Sains Malaysia
SEAMEO-	South East Asian Ministers Of Education Organisation
RECSAM	Regional Centre For Education In Science and Mathematics
INNOTECH	Centre for Education Innovation and Technology
SUKOM	Sukan Komamwel
INTEL	In
NASOM	National Autism Society of Malaysia.
RIMUP	Rancangan Integriti Murid Untuk Perpaduan

JPK	Jabatan Pendidikan Khas
JPWP	Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan
NGO	Non Government Organisation
KLCC	Kuala Lumpur Convention Centre
PK	Penolong Kanan
PKHEM	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
MPV	Mata Pelajaran Vocational
KPI	Key Performance Indicators
PSS	Pusat Sumber Sekolah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBKK	Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
ICT	Information Communication Technology
AJK	Ahli Jawatan Kuasa
PKKO	Penolong Kanan Ko Kurikulum
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SPI	Surat Pekeliling Iktisias
Bil	Bilangan
J-QAF	Jawi Al-Quran dan Fardu Ain
PPG	Pejabat Pelajaran Gabungan
KIA2M	Kelas Intervensi Awal Membaca Menulis
3M	Membaca Menulis Mengira
GB	Guru Besar
GPK1	Guru Penolong Kanan 1
GPK HEM	Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
PJK	Pendidikan Jasmani dan Sukan
EPU	Economic Planning Unit
RMK	Rancangan Malaysia Ke
IT	Information Technology
MOU	Memorandum of Understanding
MTest	Malaysian Teacher Education Selection Test
OECD	Organisation of Education Continuous Development
EQ	Emotional Quotient
IQ	Intellectual Quotient
ACCA	Accountant Certified Association
SPK	Sekolah Pendidikan Khas
EPCC	Educative, Preentive, Corrective and Curative
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SMAN	Sekolah Menengah Agama Negeri
ITNM	Institut Terjemak Negara Malaysia

BBSN
MBKM
DBP

Bulan Bahasa dan Sastra Negara
Memperkasa Bahasa Kebangsaan Malaysia
Dewan Bahasa dan Pustaka

Modal Insan Cemerlang
Minda Kelas Pertama:
Suatu Perspektif



1.01 Pendidikan di Malaysia telah melalui satu perjalanan yang jauh setelah mengesepi nikmat kemerdekaan dalam jangka masa 50 tahun. Sistem yang diwarisi dari zaman kolonial telah kita garap semula (customize) mengikut acuan dan kesesuaian masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Maka untuk melangkaui lebih jauh, bagi pendidikan yang mempunyai keupayaan futuristik dan kekal relevan dengan era globalisasi, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP) dan telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi, Perdana Menteri pada 16 Januari 2007. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 merupakan penyusunan semula dan menambahkan strategi pendidikan yang bertujuan untuk membuat adaptasi kepada perubahan dan mengupayakan negara untuk terus maju dan mencapai hasrat Wawasan 2020.

1.02 Matlamat program PIPP adalah untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dengan mentaliti kelas pertama melalui pendidikan yang berkualiti dan seterusnya, menjadikan pendidikan di negara ini antara yang terbaik di dunia. Usaha melahirkan modal insan cemerlang minda kelas pertama dibuat berpandu langkah atau strategi Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9) yang berfokus kepada:

- i. meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu, serta mengukuhkan keupayaan sains,
- ii. penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi, dan
- iii. pemupukan masyarakat berbudaya yang memiliki kekuatan moral.

1.03 Usaha KPM dibuat selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri, bahawa "... kita perlu mengukuhkan modal insan dengan membina keyakinan dan keupayaan melalui pendalaman ilmu pengetahuan" (INTAN, 2006). Dalam ucapan penutup di Perhimpunan UMN0 2007 beliau mengulangi, "Malaysia memerlukan k-worker, dan menyelesaikan transformasi pendidikan menjelang 2057". Modal insan cemerlang untuk negara membangun menuju ke arah negara maju, yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri adalah insan yang memiliki minda kelas pertama.

Dalam konteks ini, KPM memperkenalkan PIPP 2006-2010 yang dibina berasaskan enam teras strategik dengan matlamat spesifik seperti berikut :

MEMBINA NEGARA BANGSA

Pembinaan Negara Bangsa melalui pendidikan adalah salah satu dasar kerajaan. Matlamat dalam teras ini adalah untuk melahirkan individu atau warga negara yang memiliki ciri-ciri global dan berdaya saing di peringkat global dan lokal. Melalui teras ini, KPM berhasrat membangunkan insan yang mempunyai jati diri, patriotik, dan berpegang teguh kepada ajaran agama serta nilai-nilai murni. Dengan itu, sebuah masyarakat penyayang, demokratik, liberal, bertolak ansur, berfikir terbuka dan berbudaya saintifik serta hidup bersatu padu dapat diwujudkan.

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN

Dasar pembangunan k-ekonomi negara adalah berasaskan pembangunan modal insan. Selaras dengan itu, tujuan KPM melalui teras ini adalah berfokus untuk melahirkan murid yang kompeten, inovatif, kreatif dan berkebolehpasaran bagi memenuhi keperluan Wawasan 2020. Matlamat khusus teras ini adalah untuk memupuk semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi; menerap nilai murni, moral dan sikap positif serta membina disiplin diri dalam kalangan murid. Teras ini berfokus kepada usaha membangunkan pelbagai potensi dan keupayaan individu murid.

MEMPERKASAKAN SEKOLAH KEBANGSAAN

Sekolah kebangsaan berperanan menyediakan peluang pendidikan untuk semua. Teras ini memberi penekanan terhadap usaha semua sekolah kebangsaan peringkat rendah dan menengah sebagai sekolah aliran perdana dan pilihan utama ibu bapa. Matlamat teras ini adalah untuk meningkatkan dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum dalam masyarakat Malaysia yang majmuk dengan menerapkan semangat patriotisme dan memupuk sikap toleransi yang tinggi antara murid yang mempunyai pelbagai kepercayaan dan budaya.

MERAPATKAN JURANG PENDIDIKAN

Dasar KPM adalah untuk merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, tahap sosio ekonomi dan tahap keupayaan murid. Penekanan teras ini ke arah membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan luar bandar, meningkatkan kadar penyertaan dan mengurangkan risiko keciciran murid, menambah baik sistem pengagihan bantuan, dan meningkatkan bilangan guru terlatih mengikut opsyen di kawasan terpencil dan pedalaman. Matlamatnya adalah untuk memastikan semua sekolah menyediakan peluang dan mempunyai keupayaan yang sama bagi pendidikan murid pelbagai latar belakang, minat dan potensi.

MEMARTABATKAN PROFESION KEGURUAN

Guru merupakan barisan hadapan dalam pembinaan generasi masa hadapan. Selaras dengan itu, profesion keguruan harus sentiasa mendapat penghormatan dan dipandang tinggi. Untuk mengangkat martabat guru, kesedaran pada diri guru itu amat penting khususnya dalam membuat perubahan paradigma yang perlu membudayakan pendidikan sepanjang hayat, penguasaan disiplin ilmu yang tinggi, berfikir kreatif, kritis serta inovatif. Teras ini berfokus kepada inisiatif-inisiatif untuk memantapkan pembangunan profesion keguruan.

MELONJAKKAN KECEMERLANGAN INSTITUSI PENDIDIKAN

Pembangunan institusi pendidikan sebagai kluster kecemerlangan yang mempunyai kepimpinan yang teguh dan berkesan, guru yang berkemahiran dan berkebolehan tinggi serta autonomi adalah penting untuk pembinaan modal insan cemerlang. Teras ini berfokus kepada membangunkan sekolah sebagai model atau penanda aras yang boleh dicontohi di dalam dan di luar negara berdasarkan kebitaraan (*niche areas*) masing-masing. Usaha ini bertujuan menjadikan sistem pendidikan Malaysia bertaraf

